

MATRIKS

1	(a)	Cari matriks songsang bagi $\begin{pmatrix} 5 & -4 \\ 9 & -12 \end{pmatrix}$. [2 markah]
	(b)	Tulis persamaan linear serentak berikut dalam bentuk matriks $5x - 4y = 8$ $9x - 12y = 12$ Seterusnya, dengan menggunakan kaedah matriks, hitung nilai x dan nilai y . [4 markah]
2		Diberi $\begin{pmatrix} 2 & -10 \\ 1 & -4 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 1 \\ 2 \end{pmatrix}$, hitung nilai x dan nilai y . [3 markah]
3.	(a)	Diberi $p \begin{pmatrix} 3 & q \\ -2 & 4 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 4 & 5 \\ 2 & 3 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix}$ cari nilai p dan nilai q . [2 markah]
	(b)	Tuliskan persamaan linear serentak berikut dalam bentuk matriks. $4x + 5y = 8$ $2x + 3y = 5$ Seterusnya, dengan menggunakan kaedah matriks, hitung nilai x dan nilai y . [4 markah]
4.		Taman Tema Ceria menjual dua jenis tiket, taman tema dan taman tema air. Encik William membayar RM435 untuk membeli 5 keping tiket taman tema dan 6 keping tiket taman tema air manakala Encik Imran membayar RM195 untuk membeli 2 keping tiket taman tema dan 3 keping tiket taman tema air. Menggunakan kaedah matriks, hitung harga sekeping tiket taman tema dan sekeping tiket taman tema air. [5 markah]
5.		Sebuah kilang alat permainan mengedarkan alat permainan M dan alat permainan N kepada pemborong A dan pemborong B. Pemborong A menerima 5 kontena alat permainan M dan 8 kontena alat permainan N dengan jumlah 625 unit. Pemborong B menerima 7 kontena alat permainan M dan 6 kontena alat permainan N dengan jumlah 615 unit. Hitung bilangan alat permainan M dan bilangan alat permainan N. [5 markah]
6.		Selesaikan persamaan linear serentak berikut menggunakan kaedah matriks. $-2x - y = 16$ $5x - 4y = -14$ [4 markah]
7.		Puan Azah membeli 3 rim kertas A4 dan 2 rim kertas A3 pada harga RM42 manakala Puan Aziah membeli 2 rim kertas A4 dan 5 rim kertas A3 pada harga RM61. Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung harga, dalam RM, bagi satu rim kertas A4 dan satu rim kertas A3. [5 markah]

UBAHAN

1	<p>Puan Fazura, seorang pereka selendang mendapati bahawa bilangan selendang yang dijual P berubah secara langsung dengan bajet pengiklanan, Q dan secara songsang dengan harga sehelai selendang, R. Apabila RM5000 diperuntukkan untuk iklan dan harga sehelai selendang ialah RM80, didapati bahawa 480 helai selendang telah terjual.</p> <p>(a) Ungkapkan P dalam sebutan R dan Q. [2 markah] (b) Seterusnya, cari bilangan selendang yang mungkin terjual jika bajet pengiklanan ialah RM75 000 dan harga sehelai selendang tidak berubah. [2 markah]</p>						
2.	<p>Masa yang diambil untuk memasang sebuah mesin, h jam berubah secara songsang dengan bilangan pekerja, w. Diberi bahawa 4 orang pekerja memerlukan 2 jam 45 minit untuk memasang sebuah mesin.</p> <p>(a) Ungkapkan h dalam sebutan w. [2 markah] (b) Nyatakan masa yang diambil oleh 10 orang pekerja untuk memasang sebuah mesin. Berikan jawapan dalam minit. [2 markah]</p>						
3.	<p>Harga kos bagi sejenis piza, RM F berubah secara langsung dengan kuasa dua jejaringnya, j. Diberi harga kos bagi satu piza dengan jejari 6 inci ialah RM9.</p> <p>(a) Ungkapkan F dalam sebutan j. [2 markah] (b) Cari beza harga kos antara piza dengan jejari 5 inci dengan jejari 8 inci. [2 markah]</p>						
4.	<p>D berubah secara songsang dengan E^2 dan $D = 25$ apabila $E = 0.8$.</p> <p>(a) Tuliskan persamaan bagi D dalam sebutan E. [1 markah] (b) Cari nilai positif E apabila $D = 0.64$. [3 markah]</p>						
5.	<p>Jadual di bawah menunjukkan nilai-nilai X dan Y.</p> <table border="1" data-bbox="580 1308 1123 1391"> <tbody> <tr> <td>X</td> <td>0.0625</td> <td>125</td> </tr> <tr> <td>Y</td> <td>4</td> <td>r</td> </tr> </tbody> </table> <p>Diberi bahawa $X \propto \frac{1}{Y}$.</p> <p>(a) Tuliskan persamaan bagi X dalam sebutan Y. [1 markah] (b) Cari nilai r. [3 markah]</p>	X	0.0625	125	Y	4	r
X	0.0625	125					
Y	4	r					
6.	<p>(a) Diberi bahawa $p \propto q^m$ dengan keadaan m ialah pemalar. Cari nilai m jika p berubah secara langsung dengan kuasa dua q. [1 markah] (b) Diberi bahawa $y \propto \frac{1}{x}$ dan $x = 2z - 1$. Jika $y = 0.25$ apabila $z = 2$, hitung nilai z apabila $y = \frac{1}{2}$. [2 markah]</p>						
7	<p>Masa, T minit, untuk mendidihkan air berubah secara langsung dengan jisim air, w kg, dan secara songsang dengan kuasa cerek, P watt. Izuan menggunakan 4 minit untuk mendidihkan 2 kg air dengan sebuah cerek berkuasa 1 500 watt.</p> <p>(a) Tuliskan persamaan bagi T dalam sebutan w dan P. [2 markah] (b) Jika kuasa cerek yang digunakan ialah 1 200 watt, berapakah masa, dalam minit, yang diperlukan untuk mendidihkan 1.8 kg air? [2 markah]</p>						

PENAAKULAN LOGIK




<p>1.</p>	<p>a)</p> <p>b)</p>	<p>Lengkapkan ruang kosong bagi setiap pernyataan berikut dengan 'dan' atau 'atau'</p> <p>i) Pernyataan berikut adalah benar</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> $3 \times 4 = 7 \quad \underline{\hspace{2cm}} \quad 3 + 4 = 7$ </div> <p>ii) Pernyataan berikut adalah palsu</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> $- 7 > -3 \quad \underline{\hspace{2cm}} \quad 7 > 3$ </div> <p>i) Tulis Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut : Premis 1: Semua garis selari mempunyai kecerunan yang sama . Premis 2 :..... Kesimpulan :PQ dan RS mempunyai kecerunan yang sama.</p> <p>ii) Buat satu kesimpulan secara aruhan bagi jujukan nombor 5,17,37,65,... yang mengikut pola berikut</p> <div style="border: 2px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> $5 = 1 + 4(1)$ $17 = 1 + 4(4)$ $37 = 1 + 4(9)$ $65 = 1 + 4(16)$ <p style="text-align: center;">.</p> <p style="text-align: center;">.</p> <p style="text-align: center;">.</p> </div> <p style="text-align: right;">[5 Markah]</p> <p>(a) i)..... ii).....</p> <p>(b) i) Premis 2 </p> <p>iii) Kesimpulan </p>
<p>2.</p>	<p>a)</p> <p>b)</p>	<p>Nyatakan sama ada setiap pernyataan berikut benar atau palsu.</p> <p>i) $-2 + (-3) = -5$ atau $(-2) \times (-3) = -6$</p> <p>ii) $(-4)^3 = 64$ dan $(-8)^2 = 64$.</p> <p>Tulis dua implikasi berdasarkan pernyataan berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> $4xy = 24$ jika dan hanya jika $xy = 6$. </div> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>a. i)..... ii).....</p> <p>b. i)..... ii).....</p>






<p>3</p>	<p>a)</p> <p>b)</p>	<p>Tulis dua implikasi berdasarkan pernyataan berikut :</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>Sebuah teselasi dapat terbentuk daripada suatu poligon sekata jika dan hanya jika 360° boleh dibahagi tepat dengan sudut peluaran poligon sekata itu.</p> </div> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p> <table border="1" style="margin: 10px auto;"> <thead> <tr> <th>Hari</th> <th>Bilangan kes Covid-19</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>64</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>625</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>7776</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">Jadual 1</p> <p>Bentuk satu kesimpulan induktif yang kuat bagi pola bilangan kes Covid-19 di sebuah negara yang dicatat dalam Jadual 1.</p> <p style="text-align: right;">[2 markah]</p> <p>Jawapan :</p> <p>a) Implikasi 1:</p> <p style="padding-left: 40px;">Implikasi 2:</p> <p>b)</p>	Hari	Bilangan kes Covid-19	1	2	2	9	3	64	4	625	5	7776
Hari	Bilangan kes Covid-19													
1	2													
2	9													
3	64													
4	625													
5	7776													
<p>4.</p>	<p>a)</p> <p>b)</p> <p>c)</p>	<p>Nyatakan sama ada pernyataan berikut adalah benar atau palsu.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> $3^3 = 9 \text{ dan } x(x - 1) = x^2 - x$ </div> <p>implikasi berdasarkan pernyataan berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> $x + 3 = 5 \text{ jika dan hanya jika } x = 2$ </div> <p>Diberi bahawa jumlah sudut pedalaman sebuah poligon sekata dengan n sisi ialah $(n - 2) \times 180^\circ$. Buat satu kesimpulan secara deduksi tentang jumlah sudut pedalaman sebuah heksagon sekata.</p> <p style="text-align: right;">[5 markah]</p> <p>Jawapan :</p> <p>a)</p> <p>b) Implikasi 1 :..... Implikasi 2 :.....</p> <p>c) Kesimpulan :.....</p>												
<p>5.</p>	<p>a)</p>	<p>(i)Nyatakan sama ada yang berikut adalah pernyataan atau bukan pernyataan: $- 5 + 3 < - 4$</p> <p>(ii)Tuliskan satu implikasi berdasarkan maklumat berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">Antejadian : x ialah gandaan 4. Akibat : x ialah nombor genap.</p>												

	<p>b) Tulis dua implikasi berdasarkan pernyataan majmuk berikut:</p> <p style="text-align: center;">$A \cap B \subset B$ jika dan hanya jika $A \subset B$.</p> <p>c) Tuliskan Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut:</p> <p>Premis 1 : Semua gandaan 8 adalah gandaan 4. Premis 2 : Kesimpulan : 116 adalah gandaan 4.</p> <p style="text-align: right;">[5 markah]</p> <p>Jawapan :</p> <p>a) (i)..... (ii).....</p> <p>b) Implikasi 1:..... Implikasi 2:.....</p> <p>(c) Premis 2:.....</p>
<p>6.</p>	<p>a) Nyatakan sama ada pernyataan berikut adalah benar atau palsu.</p> <p>i) $8 \div 2 = 4$ dan $8^2 = 16$. ii) 14 ialah gandaan bagi 4 atau faktor bagi 42. iii) Semua segi empat mempunyai sisi-sisi yang sama panjang.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>b)</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Premis 1 : 9 ialah nombor kuasa dua sempurna. Premis 2 : 27 ialah nombor kuasa dua sempurna. Premis 3 : 81 ialah nombor kuasa dua sempurna. Kesimpulan : Semua nombor kuasa dua sempurna dapat diperolehi dengan mendarab satu nombor bulat dengan dirinya sendiri.</p> </div> <p>Berikut merupakan suatu hujah deduktif: Tentukan sama ada hujah yang diberi kuat atau lemah. Seterusnya, tentukan sama ada hujah yang itu meyakinkan atau tidak meyakinkan dan berikan justifikasi anda.</p> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p> <p>Jawapan :</p> <p>a) i)..... ii)..... iii).....</p> <p>b)</p>
<p>7.</p>	<p>Rajah 1 menunjukkan empat susunan pertama bagi corak berbentuk segi tiga berwarna</p> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;"> </div>






		<p>i) Buat satu kesimpulan secara induksi tentang bilangan segi tiga berwarna pada Susunan ke-n.</p> <p>ii) Susunan terakhir dilukis dengan menggunakan 1025 segi tiga berwarna. Tentukan susunan ke berapakah ianya berlaku.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>i)</p> <p>ii)</p>
--	--	---




SET

1.		<p>Gambar rajah Venn di ruang jawapan menunjukkan set P, set Q dan set R dengan keadaan set semesta, $\xi = P \cup Q \cup R$. Pada rajah di ruang jawapan, lorek set</p> <p>(a) $Q \cap R$,</p> <p>(b) $(P \cap R') \cup Q'$.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>a)</p>  <p>b)</p> 
2.		<p>Rajah 1 ialah gambar rajah Venn yang menunjukkan bilangan murid dalam kumpulan 50 orang murid yang menyertai kuiz Biologi, kuiz Kimia dan kuiz Fizik.</p> <div style="display: flex; align-items: flex-start;"> <div style="margin-right: 20px;"> <p>ξ</p>  <p style="text-align: center;">Rajah 1</p> </div> <div> <p>$B = \{\text{murid yang menyertai kuiz Biologi}\}$ $K = \{\text{murid yang menyertai kuiz Kimia}\}$ $F = \{\text{murid yang menyertai kuiz Fizik}\}$</p> </div> </div> <p>Diberi bahawa 7 orang murid tidak menyertai mana-mana kuiz. Hitung,</p> <p>i) nilai x dan nilai y,</p> <p>ii) bilangan murid yang menyertai dua kuiz sahaja.</p> <p style="text-align: right;">[5 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>i)</p> <p>ii)</p>


<p>6.</p>	<p>a) b)</p>	<p>Set X ialah set nombor ganjil dan set Y ialah gandaan 4. Lengkapkan gambarajah Venn pada ruang jawapan untuk menunjukkan hubungan di antara set X dan set Y.</p> <p>Diberi tiga set K, L dan M dengan keadaan set semesta $\xi = K \cup L \cup M$. $K \cap L = \phi$ dan $K \cup L \subset M$.</p> <p>Lukis gambarajah Venn pada ruang jawapan untuk menunjukkan hubungan di antara set K, L dan M.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>Jawapan :</p> <p>a) b)</p> <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="margin-right: 20px;"> <p>X</p>  </div> <div style="margin-left: 200px;">  </div> </div>
<p>7.</p>	<p>a) b)</p>	<p>Diberi bahawa set R = {nombor kuasa dua sempurna} dan set S = {3, 6, 9, 12,.....}. Lengkapkan gambarajah Venn di ruang jawapan untuk menunjukkan hubungan antara set R dan set S.</p> <p>Gambarajah Venn pada Rajah 4 menunjukkan set A, set B dan set C. Set semesta $\xi = A \cup B \cup C$.</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Nyatakan hubungan yang diwakili oleh rantau berlorek di antara set A, set B dan set C</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>a) b)</p> <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="margin-right: 20px;"> <p>R</p>  </div> <div style="margin-left: 200px;">  </div> </div>

PELAN DAN DONGAKAN

<p>1.</p>	<p>Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 masing-masing menunjukkan unjuran ortogon bagi suatu objek pada satah mengufuk dan satah mencancang.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>Rajah 1.1</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Rajah 1.2</p> </div> </div>
	<p>(a) Nyatakan objek itu. [1 markah] (b) Lakarkan objek itu. Label ukuran tapak dan tinggi objek tersebut. [3 markah]</p>
<p>2.</p>	<p>Sebuah objek terdiri daripada kuboid dan piramid bertapak segi empat sama. Pelan dan dongakan sisi objek itu adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>Pelan</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Dongakan sisi</p> </div> </div>
	<p>Diberi kuboid dan piramid itu mempunyai tinggi yang sama. (a) Hitung tinggi, dalam cm, piramid itu. [2 markah] (b) Hitung isi padu, dalam cm^3, objek itu. [2 markah]</p>
<p>3.</p>	<p>Sebuah pepejal berbentuk kuboid dengan tapak segi empat sama $BLKC$ dicantumkan kepada piramid seperti dalam Rajah 3 di bawah pada satah mencancang $BCFM$. Tapak $ABLKCD$ terletak di atas satah mengufuk.</p> <div style="text-align: center;">  <p>Rajah 3</p> </div>
	<p>Lukis dengan skala penuh, (a) dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan ABL sebagaimana yang dilihat dari X. [4 markah] (b) dongakan gabungan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan LK sebagaimana dilihat dari Y. [5 markah]</p>

<p>4.</p>	<p>(a)</p>	<p>Rajah 4.1 menunjukkan gabungan pepejal yang terdiri daripada sebuah prisma dengan tapak $BCDFG$ terletak pada satah mengufuk dan sebuah kuboid pada satah $LMNP$. Diberi $JK = HL$, $CD = 10$ cm, $LM = PN = QT = RS = 4$ cm dan $DF = MN = LP = RQ = ST$.</p>  <p style="text-align: center;">Rajah 4.1</p> <p>Lukis dengan skala penuh,</p> <p>(i) pelan gabungan pepejal itu. [4 markah]</p> <p>(ii) dongakan gabungan pepejal pada satah mencancang yang selari dengan DF sebagaimana dilihat dari X. [4 markah]</p>
	<p>(b)</p>	<p>Rajah 4.2 menunjukkan pelan dan dongakan bagi suatu pepejal geometri.</p>  <p style="text-align: center;">Rajah 4.2</p> <p>Namakan pepejal geometri itu. [1 markah]</p>
<p>5.</p>		<p>Rajah 5 di bawah menunjukkan pelan bagi gabungan sebuah kubus dan semi silinder.</p>  <p style="text-align: center;">Rajah 5</p>
	<p>(a)</p>	<p>Sekiranya lilitan semi silinder tersebut ialah 22 cm, tentukan panjang jejari semi silinder tersebut. ($\pi = \frac{22}{7}$) [2 markah]</p> <p>(b) Tinggi semi silinder adalah sama dengan panjang sisi kubus, hitung isi padu gabungan pepejal tersebut, dalam cm^3. ($\pi = \frac{22}{7}$) [2 markah]</p>

6. (a) Rajah 6.1 di bawah menunjukkan gabungan prisma tegak dan kuboid yang terletak pada suatu satah mengufuk. Sisi-sisi AD , FG , BC dan KJ adalah tegak.




Rajah 6.1


Hitung isipadu, dalam cm^3 , gabungan pepejal tersebut.

[2 markah]

- (b) Hitung isi padu prisma di bawah dalam cm^3 .




Pelan



Dongakan depan


[2 markah]

- 7 Rajah 7 di bawah menunjukkan sebuah pepejal berbentuk prisma tegak. $ABCDEFGH$ ialah keratan rentas seragam prisma tegak itu. Tapak $ABVL$ ialah sebuah segi empat sama yang terletak pada satah mengufuk. Segi empat $MKJN$ ialah satah condong. Diberi bahawa $ML = DE = EF = FG = GH$ dan $NP = TU = 2$ cm.




Rajah 7

	<p>Pada ruang jawapan, lukis dengan skala penuh,</p> <p>(a) dongakan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan LA sebagaimana yang dilihat dari X. [5 markah]</p> <p>(b) dongakan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan AB sebagaimana yang dilihat dari Y. [4 markah]</p>
--	--



ASAS NOMBOR

1.	Jadual 1 di bawah menunjukkan purata jisim murid dalam kelas 1 Arif, 1 Bestari, 1 Cekal dan 1 Dedikasi.				
	Subjek	1 Arif	1 Bestari	1 Cekal	1 Dedikasi
	Purata jisim (kg)	221 ₆	1123 ₄	113 ₈	1111 ₃
	Jadual 1				
	(a)	Nyatakan purata jisim setiap kelas dalam asas sepuluh.			[4 markah]
	(b)	Berdasarkan jawapan di 1(a), nyatakan kelas yang mempunyai:			
		(i)	purata jisim tertinggi.		
		(ii)	purata jisim terendah.		[2 markah]
	(c)	Berdasarkan jawapan di 1(a), hitung jumlah purata jisim bagi keempat-empat kelas. Tukarkan jawapan kepada asas lima.			[3 markah]
2.	Ahmadi mempunyai 264 ₇ koleksi model kereta. Dia menyimpan kesemua koleksi model kereta itu di dalam tiga buah almari X, Y dan Z dengan nisbah setiap almari ialah 2:3:1.				
	(a)	Hitung bilangan koleksi model kereta di dalam almari X dalam asas sepuluh.			[3 markah]
	(b)	$\frac{1}{4}$ daripada koleksi model kereta di dalam almari Y dimasukkan ke dalam almari Z. Berapakah bilangan koleksi model kereta di dalam almari Z dalam asas tujuh?			[4 markah]
	(c)	Berikan nisbah terbaru bilangan koleksi model kereta yang terdapat dalam almari X, Y dan Z.			[2 markah]
3.	(a)	Ungkapkan $(1 \times 7^2) + (3 \times 7)$ kepada satu nombor dalam:			
		(i)	asas tujuh		
		(ii)	asas sembilan		[2 markah]
	(b)				
	(c)	Hitungkan $418_9 + 2765_9$ dan ungkapkan jawapan dalam asas sembilan. Susun semula 21 ₅ , 20 ₇ , 101 ₃ , 101 ₄ dalam tertib menurun.			[2 markah]
4.	Yazid ingin membuat kek untuk perniagaan beliau. Antara bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat satu biji kek tersebut ialah tepung gandum, serbuk koko dan gula. Berat bahan-bahan itu masing-masing ialah 10230 ₄ , $\frac{1}{5}$ daripada berat tepung gandum dan 5% kurang daripada jumlah berat tepung gandum dan serbuk koko.				
	(a)	Kira berat tepung gandum itu dalam asas sepuluh.			[3 markah]
	(b)	Hitung berat serbuk koko dan gula yang digunakan oleh Yazid untuk membuat kek. Tukarkan berat setiap bahan tersebut kepada nombor dalam asas enam.			[6 markah]
5.	Tentukan nilai p , q dan r di bawah.				
	(a)	$426_7 + 56_7 = p_7$			[1 markah]
	(b)	$8403_9 - 467_9 = q_9$			[1 markah]
	(c)	$15_8 + 37_8 = r_5$			[3 markah]
6.	Rajah 1 di bawah menunjukkan sekeping piza dengan keluasan 616 cm ² yang telah dipotong sama rata kepada 11 bahagian.				

 <p style="text-align: center;">Rajah 1</p>									
<p>(a) Cari luas satu bahagian piza itu dan tukar kepada asas tujuh. [3 markah]</p> <p>(b) Cari jejari, dalam cm, piza itu. Tukarkan panjang jejari kepada asas tujuh. [Guna $\pi = \frac{22}{7}$] [3 markah]</p> <p>(c) Sekiranya piza itu dipotong kepada separuh, cari perimeter, dalam cm, bagi separuh bahagian piza, dalam asas tujuh. [4 markah]</p>									
<p>7. Jadual 2 di bawah menunjukkan tinggi tiga orang murid.</p>									
<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Murid</th> <th style="text-align: center;">Tinggi (cm)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Rastogi</td> <td style="text-align: center;">451_6</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Farhan</td> <td style="text-align: center;">F_6</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Ramodas</td> <td style="text-align: center;">424_6</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">Jadual 2</p>		Murid	Tinggi (cm)	Rastogi	451_6	Farhan	F_6	Ramodas	424_6
Murid	Tinggi (cm)								
Rastogi	451_6								
Farhan	F_6								
Ramodas	424_6								
<p>(a) Farhan 13_6 cm lebih tinggi daripada Ramodas. Tentukan nilai F. [2 markah]</p> <p>(b) Hitung jumlah tinggi Rastogi dan Ramodas. [2 markah]</p>									

INSURANS

<p>1.</p>	<p>En Azri ingin membeli insurans hayat bernilai RM230000 daripada TJ Insurans. Kadar premium tahunan yang di kenakan oleh syarikat insurans ialah RM2.34 bagi setiap RM1000 nilai muka mengikut umur dan status kesihatan beliau</p> <p>(a) Nyatakan pemegang polisi dan nilai muka polisi</p> <p>(b) Hitung premium bulanan yang perlu dibayar oleh En Azri [4markah]</p> <p>Jawapan</p> <p>a) Pemegang polisi.....</p> <p style="padding-left: 20px;">Nilai Muka Polisi</p> <p>b)</p>																													
<p>2</p>	<p>Jadual menunjukkan pengkadaran premium bawah Tarif Motor bagi polisi yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia ,Sabah dan Sarawak</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2" style="text-align: center;">Kapasiti enjin tidak melebihi(cc)</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Semenanjung Malaysia</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Sabah dan Sarawak</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Polisi komprehensif(RM)</th> <th style="text-align: center;">Polisi Pihak Ketiga(RM)</th> <th style="text-align: center;">Polisi komprehensif(RM)</th> <th style="text-align: center;">Polisi Pihak Ketiga(RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1400</td> <td style="text-align: center;">273.80</td> <td style="text-align: center;">120.60</td> <td style="text-align: center;">196.20</td> <td style="text-align: center;">67.50</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">1650</td> <td style="text-align: center;">305.50</td> <td style="text-align: center;">135.00</td> <td style="text-align: center;">220.00</td> <td style="text-align: center;">75.60</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2200</td> <td style="text-align: center;">339.10</td> <td style="text-align: center;">151.20</td> <td style="text-align: center;">243.90</td> <td style="text-align: center;">93.60</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3050</td> <td style="text-align: center;">372.60</td> <td style="text-align: center;">167.40</td> <td style="text-align: center;">266.50</td> <td style="text-align: center;">93.60</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Bagi Polisi Komprehensif ,kadar yang dikenakan adalah bagi RM1000 pertama daripada jumlah diinsuranskan</p>	Kapasiti enjin tidak melebihi(cc)	Semenanjung Malaysia		Sabah dan Sarawak		Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)	Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)	1400	273.80	120.60	196.20	67.50	1650	305.50	135.00	220.00	75.60	2200	339.10	151.20	243.90	93.60	3050	372.60	167.40	266.50	93.60
Kapasiti enjin tidak melebihi(cc)	Semenanjung Malaysia		Sabah dan Sarawak																											
	Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)	Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)																										
1400	273.80	120.60	196.20	67.50																										
1650	305.50	135.00	220.00	75.60																										
2200	339.10	151.20	243.90	93.60																										
3050	372.60	167.40	266.50	93.60																										

	<p>Iman mempunyai sebuah van yang digunakan di Miri Sarawak. Beliau ingin memperbaharui insurans motor untuk keretanya daripada Syarikat Insurans XYZ. Maklumat vannya adalah seperti berikut</p> <table border="1" data-bbox="448 315 1137 479"> <tr> <td>Jumlah yang diinsuranskan</td> <td>: RM60000</td> </tr> <tr> <td>Umur Kenderaan</td> <td>: 5 tahun</td> </tr> <tr> <td>Kuasa Enjin</td> <td>: 2000cc</td> </tr> <tr> <td>NCD</td> <td>: 30%</td> </tr> </table> <p>(a) Berdasarkan maklumat van Iman</p> <p>i) Nyatakan pihak pertama dan pihak kedua yang terlibat dalam insurans motor</p> <p>ii) Hitung premium kasar yang perlu di bayar oleh Iman jika dia membeli polisi pihak ketiga [5markah]</p> <p>Jawapan</p> <p>a) i) pihak pertama.....</p> <p> pihak kedua</p> <p> ii)</p>	Jumlah yang diinsuranskan	: RM60000	Umur Kenderaan	: 5 tahun	Kuasa Enjin	: 2000cc	NCD	: 30%
Jumlah yang diinsuranskan	: RM60000								
Umur Kenderaan	: 5 tahun								
Kuasa Enjin	: 2000cc								
NCD	: 30%								
3.	<p>Encik Ali mempunyai polisi insurans perubatan utama dengan peruntukan deduktibel sebanyak RM800 dan pasal penyertaan ko insurans 80/20 dalam polisinya. Hitung bayaran kos yang ditanggung oleh En Ali jika kos perubatan yang dilindungi polisinya berjumlah RM30250 [4markah]</p>								
4.	<p>Rumah En Abu diinsuranskan dengan insurans kebakaran yang memperuntukkan ko insurans untuk menginsuranskan 75% daripada nilai boleh insurans rumahnya. Nilai boleh insurans rumah ialah RM400000 dengan deduktible RM8000</p> <p>(a) Kira jumlah insurans yang perlu diambil oleh En Abu</p> <p>(b) En Abu telah menginsuranskan rumahnya mengikut jumlah dalam soalan(a). Jika keseluruhan rumahnya terbakar, adakah En Abu akan menerima bayaran pampasan RM 400000. Beri justifikasi anda [4markah]</p>								
5.	<p>Encik Karim mempunyai polisi insurans perubatan utama dengan peruntukan deduktibel sebanyak RM500 dan pasal penyertaan ko insurans 75/25 dalam polisinya. Hitung bayaran kos yang ditanggung oleh En Karim jika kos perubatan yang dilindungi polisinya berjumlah RM20000 [4markah]</p>								
6.	<p>Puan Kamala ingin membeli insurans kebakaran untuk rumahnya. Nilai boleh insurans rumah itu ialah RM 300000. Polisi insurans kebakaran yang ingin dibelinya untuk menginsuranskan 80% daripada nilai boleh insurans hartanya dan deduktible RM6000</p> <p>i. hitung jumlah insurans yang harus dibeli oleh Puan Kamala bagi rumahnya</p> <p>ii. Rumah Puan Kamala telah mengalami kebakaran dan jumlah kerugiannya adalah sebanyak RM35000. Hitung bayaran pampasan yang akan diterima Pn Akmal jika dia menginsuranskan rumahnya</p> <p>a) Pada jumlah insurans yang harus dibelinya</p> <p>b) Dengan jumlah RM200000</p> <p>c) Rumah Puan Akmal telah mengalami kerugian menyeluruh. Jika dia menginsuranskan rumahnya dengan jumlah RM250000 hitung bayaran pampasan yang akan diterimanya</p>								
7.	<p>Jadual menunjukkan pengkadaran premium bawah Tarif Motor bagi polisi yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak</p>								

Kapasiti enjin tidak melebihi(cc)	Semenanjung Malaysia		Sabah dan Sarawak	
	Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)	Polisi komprehensif(RM)	Polisi Pihak Ketiga(RM)
1400	273.80	120.60	196.20	67.50
1650	305.50	135.00	220.00	75.60
2200	339.10	151.20	243.90	93.60
3050	372.60	167.40	266.50	93.60

*Bagi Polisi Komprehensif ,kadar yang dikenakan adalah bagi RM1000 pertama daripada jumlah diinsuranskan


Jamal mempunyai sebuah van yang digunakan di Selangor .Beliau ingin memperbaharui insurans motor untuk keretanya daripada Syarikat Insurans AIM
Maklumat vannya adalah seperti berikut

Jumlah yang diinsuranskan	: RM80000
Umur Kenderaan	: 7 tahun
Kuasa Enjin	: 2450cc
NCD	: 30%

- (b) Berdasarkan maklumat van Jamal
- i) Hitung premium kasar yang perlu di bayar oleh Jamal jika dia membeli polisi komprehensif
 - ii) Hitung premium kasar yang perlu di bayar oleh Jamal jika dia membeli polisi pihak ketiga,kecurian dan kebakaran
 - iii) Hitung premium kasar yang perlu di bayar oleh Jamal jika dia membeli polisi pihak ketiga [5markah]

TRANSFORMASI

1 Rajah 1 menunjukkan suatu satah Cartesan.



RAJAH 1

- a) Penjelmaan **V** ialah translasi $\begin{pmatrix} -3 \\ 4 \end{pmatrix}$.

Penjelmaan **W** ialah putaran 90° , ikut arah jam, pada titik Q.

Nyatakan koordinat imej titik A di bawah setiap penjelmaan berikut:

- (i) **VV**,
 (ii) **WV**.

[4 markah]


Jawapan :

(i)

(ii)

2.

- (a) Penjelmaan **V** ialah satu putaran melalui sudut 90° mengikut arah jam pada pusat (1, 1). Penjelmaan **W** mewakili satu translasi $\begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix}$.



- (i) Nyatakan koordinat imej bagi (0, 4) di bawah penjelmaan **V**.
- (ii) Imej bagi titik (0, 4) di bawah penjelmaan **W** ialah (6, 1), cari nilai x dan nilai y.
- (iii) Nyatakan koordinat imej bagi titik (1, 3) di bawah penjelmaan **WV**.

[5 markah]


Jawapan :

(i)

(ii)

(iii)

3. Dalam Rajah 3, EFGH ialah imej bagi ABCD di bawah satu penjelmaan **P**.
JLMN ialah imej bagi EFGH di bawah satu penjelmaan **Q**.



(i) Huraikan selengkapnya

- (a) penjelmaan **P**,
- (b) penjelmaan **Q**.

[5 markah]


- ii) Diberi bahawa luas JLMN mewakili suatu kawasan yang mempunyai luas 48 m^2 , hitung luas dalam m^2 kawasan yang diwakili oleh EFGH.

[2 markah]

Jawapan :

- (i) (a)
- (b)
- (ii)

4. Rajah 4 menunjukkan teselasi bagi segitiga sama sisi yang dihasilkan oleh transformasi isometri



Segitiga OAB ialah imej bagi OFE ^C dibawah gabungan penjelmaan VW

Huraikan penjelmaan W dan penjelmaan V

Seterusnya nyatakan penjelmaan tunggal bagi gabungan penjelmaan VW [6 markah]


Jawapan:

W : _____

V : _____

Penjelmaan Tunggal : _____

5. Rajah 5 menunjukkan dua segi tiga ABC dan JKL pada suatu satah Cartesian.



RAJAH 5

- (a) Diberi bahawa segi tiga ABC ialah imej bagi segi tiga JKL di bawah penjelmaan **P** diikuti dengan penjelmaan **Q**. Huraikan selengkapnya penjelmaan **P** dan penjelmaan **Q**.

[6 markah]

- (b) Diberi bahawa segi tiga JKL mewakili suatu kawasan yang mempunyai luas 25.5 cm^2 . Hitungkan luas, dalam cm^2 , kawasan yang diwakili oleh segi tiga ABC.

[3 markah]


Jawapan

(a) P : _____

Q : _____

(b)

6. Rajah 6 menunjukkan sisi empat EFGH, JKLM dan ABCD.



RAJAH 6


Penjelmaan **T** mewakili satu translasi $\begin{pmatrix} 2 \\ -1 \end{pmatrix}$.

Penjelmaan **P** mewakili satu pantulan pada garis lurus $x = 8$.

Penjelmaan **R** mewakili satu putaran 90° ikut arah jam pada titik $(10, 4)$.

- (a) Nyatakan koordinat imej bagi titik H di bawah penjelmaan **T**. [1 markah]
- (b) Titik A ialah imej bagi Q di bawah penjelmaan **PR**. Nyatakan titik Q. [2 markah]
- (c) Sisi empat JKLM ialah imej bagi sisi empat EFGH di bawah satu penjelmaan **W**. Huraikan selengkapnya penjelmaan **W**. [3 markah]
- (e) Sisi empat ABCD ialah imej bagi sisi empat JKLM di bawah satu penjelmaan **V**. Huraikan selengkapnya penjelmaan **V**. [3 markah]

7. Rajah 7 menunjukkan empat trapezium ABCD, EFGD, JKLM dan PQRS pada suatu satah Cartesan.



RAJAH 7

Penjelmaan **T** ialah translasi $\begin{pmatrix} -3 \\ 2 \end{pmatrix}$

Penjelmaan **V** ialah pantulan pada garis $y = 5$

Nyatakan koordinat imej bagi titik **A** di bawah penjelmaan berikut:

(i) **T**.

(ii) **VT**

[3 markah]

- (b) EFGD ialah imej bagi ABCD di bawah penjelmaan **U**.
JKLM ialah imej bagi EFGD di bawah penjelmaan **W**.

Huraikan selengkapnya

(i) satu penjelmaan tunggal yang setara dengan penjelmaan **WU**.

[3 markah]

- (c) PQRS ialah imej bagi ABCD di bawah satu pembesaran

(i) Nyatakan koordinat pusat pembesaran itu.

(ii) Diberi bahawa luas PQRS ialah mewakili suatu kawasan yang mempunyai luas 128 m^2 , hitungkan luas, dalam m^2 , kawasan yang diwakili oleh ABCD.

[3 markah]

SUKATAN SERAKAN DATA

Bahagian A													
1	<p>Rajah di bawah menunjukkan plot batang-dan-daun yang menunjukkan data ketinggian, dalam cm, bagi murid lelaki dan perempuan dalam sebuah kelas.</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; border-right: 1px solid black; border-bottom: 1px solid black;">Murid lelaki</th> <th style="border-bottom: 1px solid black;">Murid perempuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; border-right: 1px solid black;">5</td> <td>14 2 3 3 4 5 5 8</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; border-right: 1px solid black;">7 6 6 2</td> <td>15 3 4 4 5 6 6 6 8 8 9</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; border-right: 1px solid black;">8 7 6 4 4 2</td> <td>16 5 6</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; border-right: 1px solid black;">9 9 7 7 7 5 5 5</td> <td>17 3</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; border-right: 1px solid black;">4</td> <td>18</td> </tr> </tbody> </table> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Kekunci: 5 14 2 bermaksud 145 cm untuk murid lelaki dan 142 cm untuk murid perempuan</p> </div> <p>(a) Hitung varians dan sisihan piawai bagi kedua-dua kumpulan murid lelaki dan murid perempuan.</p> <p>(b) Berdasarkan nilai sisihan piawai di (a), kumpulan murid yang manakah menunjukkan data yang lebih berserak? Berikan justifikasi anda.</p> <p style="text-align: right;">[5 markah]</p>	Murid lelaki	Murid perempuan	5	14 2 3 3 4 5 5 8	7 6 6 2	15 3 4 4 5 6 6 6 8 8 9	8 7 6 4 4 2	16 5 6	9 9 7 7 7 5 5 5	17 3	4	18
Murid lelaki	Murid perempuan												
5	14 2 3 3 4 5 5 8												
7 6 6 2	15 3 4 4 5 6 6 6 8 8 9												
8 7 6 4 4 2	16 5 6												
9 9 7 7 7 5 5 5	17 3												
4	18												
2	<p>Rajah di bawah menunjukkan plot kotak yang mewakili data bagi jarak lompatan sekumpulan peserta dalam acara lompat jauh yang dianjurkan oleh pihak sekolah.</p> <div style="text-align: center;"> </div> <p>(a) Hitung julat dan jualat antara kuartil.</p> <p>(b) Diberi 18 orang peserta membuat lompatan antara 1.15 m dan 5.60 m, hitung</p> <p>(i) jumlah bilangan peserta dalam acara lompat jauh tersebut,</p> <p>(ii) bilangan peserta yang membuat lompatan kurang daripada 5.25 m.</p> <p style="text-align: right;">[6 markah]</p>												
3	<p>Rajah di bawah menunjukkan suatu set data yang terdiri daripada 30 nombor.</p> y_1, y_2, \dots, y_{30} <p>Set data tersebut mempunyai min 40 dan varians 2.</p> <p>Hitung</p> <p>(a) (i) hasil tambah semua nombor,</p> <p>(ii) hasil tambah kuasa dua semua nombor.</p> <p>(b) Jika setiap nombor dalam set data ditambah dengan 2 kemudian dibahagi dengan 8, hitung</p> <p>(i) min baharu,</p> <p>(ii) sisihan piawai baharu.</p> <p style="text-align: right;">[6 markah]</p>												

4

Data di bawah menunjukkan markah bagi satu ujian bulanan Matematik untuk 36 orang murid tingkatan 4 Cemerlang.

53	42	66	57	45	38	55	73	33
52	37	88	48	50	63	34	52	40
72	27	74	68	84	47	51	65	43
67	76	70	54	24	57	43	59	62

(a) Dengan menggunakan data di atas dan saiz selang kelas 10 markah, lengkapkan jadual berikut.

Markah	Titik tengah	Kekerapan
20 – 29	24.5	
30 – 39		

(b) Berdasarkan jadual di atas, hitung min anggaran markah bagi ujian dan beri jawapan betul kepada dua tempat perpuluhan.

[6 markah]

Bahagian B

5

(a) Rajah di bawah menunjukkan suatu set data.

21	20	31	25	26
----	----	----	----	----

(i) Hitung sisihan piawai bagi data itu.
 (ii) Hitung varians baharu jika setiap cerapan didarab dengan 3.

(b) Jadual di bawah menunjukkan kekerapan bilangan gol yang dijaringkan oleh sebuah pasukan dalam 0 perlawanan bola sepak.

Skor	0	1	2	3	4	5
Kekerapan	2	4	3	2	5	1


(i) Hitung julat antara kuartil.
 (ii) Seterusnya, lukis plot kotak menggunakan kuartil yang diperolehi.

[9 markah]

6	<p>Jadual di bawah menunjukkan skor bagi dua peserta pertandingan menembak dalam pusingan akhir Pertandingan Menembak Peringkat Negeri Selangor.</p> <table border="1" data-bbox="379 293 1382 450"> <thead> <tr> <th data-bbox="379 293 647 353">Peserta <i>Participant</i></th> <th colspan="8" data-bbox="647 293 1382 353">Skor <i>Scores</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="379 353 647 398">A</td> <td data-bbox="647 353 735 398">8.4</td> <td data-bbox="735 353 823 398">9.5</td> <td data-bbox="823 353 911 398">7.2</td> <td data-bbox="911 353 999 398">9.9</td> <td data-bbox="999 353 1086 398">9.8</td> <td data-bbox="1086 353 1174 398">8.7</td> <td data-bbox="1174 353 1262 398">9.4</td> <td data-bbox="1262 353 1382 398">8.9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="379 398 647 450">B</td> <td data-bbox="647 398 735 450">9.1</td> <td data-bbox="735 398 823 450">9.3</td> <td data-bbox="823 398 911 450">8.1</td> <td data-bbox="911 398 999 450">8.0</td> <td data-bbox="999 398 1086 450">7.5</td> <td data-bbox="1086 398 1174 450">8.6</td> <td data-bbox="1174 398 1262 450">8.4</td> <td data-bbox="1262 398 1382 450">9.8</td> </tr> </tbody> </table> <p>(a) Tentukan sukatan serakan yang sesuai digunakan untuk memilih peserta yang lebih konsisten.</p> <p>(b) Hitung nilai min, varians dan sisihan piawai bagi peserta A.</p> <p>(c) Diberi nilai min dan varians bagi peserta B masing-masing ialah 8.6 dan 0.505. Kemudian, tentukan siapa paling konsisten dalam pertandingan tersebut. Nyatakan justifikasi anda.</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p>	Peserta <i>Participant</i>	Skor <i>Scores</i>								A	8.4	9.5	7.2	9.9	9.8	8.7	9.4	8.9	B	9.1	9.3	8.1	8.0	7.5	8.6	8.4	9.8					
Peserta <i>Participant</i>	Skor <i>Scores</i>																																
A	8.4	9.5	7.2	9.9	9.8	8.7	9.4	8.9																									
B	9.1	9.3	8.1	8.0	7.5	8.6	8.4	9.8																									
7	<p>Jadual di bawah menunjukkan kekerapan longgokan bagi markah ujian Matematik kelas 5 Cekal.</p> <p>(a) Lengkapkan jadual di ruang jawapan.</p> <p>(b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 markah pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 2 murid pada paksi mencancang, lukis satu histogram longgokan bagi data tersebut.</p> <p>(c) Lukis ogif pada graf yang sama di (b).</p> <p>(d) Berdasarkan ogif tersebut, cari persentil ke-20, P_{20}</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p> <p>Jawapan:</p> <p>(a)</p> <table border="1" data-bbox="389 1240 1343 1800"> <thead> <tr> <th data-bbox="389 1240 528 1352">Markah <i>Marks</i></th> <th data-bbox="528 1240 687 1352">Kekerapan <i>frequency</i></th> <th data-bbox="687 1240 1051 1352">Kekerapan Longgokan <i>Cumulative frequency</i></th> <th data-bbox="1051 1240 1343 1352">Sempadan atas <i>Upper boundary</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="389 1352 528 1420">30 - 39</td> <td data-bbox="528 1352 687 1420">0</td> <td data-bbox="687 1352 1051 1420">0</td> <td data-bbox="1051 1352 1343 1420"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1420 528 1487">40 - 49</td> <td data-bbox="528 1420 687 1487">2</td> <td data-bbox="687 1420 1051 1487">2</td> <td data-bbox="1051 1420 1343 1487"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1487 528 1554">50 - 59</td> <td data-bbox="528 1487 687 1554">3</td> <td data-bbox="687 1487 1051 1554">5</td> <td data-bbox="1051 1487 1343 1554"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1554 528 1621">60 - 69</td> <td data-bbox="528 1554 687 1621">3</td> <td data-bbox="687 1554 1051 1621">8</td> <td data-bbox="1051 1554 1343 1621"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1621 528 1688">70 - 79</td> <td data-bbox="528 1621 687 1688">4</td> <td data-bbox="687 1621 1051 1688">12</td> <td data-bbox="1051 1621 1343 1688"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1688 528 1756">80 - 89</td> <td data-bbox="528 1688 687 1756">5</td> <td data-bbox="687 1688 1051 1756">17</td> <td data-bbox="1051 1688 1343 1756"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="389 1756 528 1800">90 - 99</td> <td data-bbox="528 1756 687 1800">1</td> <td data-bbox="687 1756 1051 1800">18</td> <td data-bbox="1051 1756 1343 1800"></td> </tr> </tbody> </table>	Markah <i>Marks</i>	Kekerapan <i>frequency</i>	Kekerapan Longgokan <i>Cumulative frequency</i>	Sempadan atas <i>Upper boundary</i>	30 - 39	0	0		40 - 49	2	2		50 - 59	3	5		60 - 69	3	8		70 - 79	4	12		80 - 89	5	17		90 - 99	1	18	
Markah <i>Marks</i>	Kekerapan <i>frequency</i>	Kekerapan Longgokan <i>Cumulative frequency</i>	Sempadan atas <i>Upper boundary</i>																														
30 - 39	0	0																															
40 - 49	2	2																															
50 - 59	3	5																															
60 - 69	3	8																															
70 - 79	4	12																															
80 - 89	5	17																															
90 - 99	1	18																															

KETAKSAMAAN LINEAR DALAM DUA PEMBOLEHUBAH



Bahagian A	
1	<p>Kelab Alam Sekitar SMK Mayang telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur. Setiap ahli Kelab Alam Sekitar perlu membayar yuran sebanyak RM50 manakala murid lain perlu membayar yuran sebanyak RM75. Beberapa situasi seperti berikut telah berlaku:</p> <p>(i) Maksimum bilangan peserta yang boleh menyertai program ini ialah seramai 80 orang murid sahaja.</p> <p>(ii) Sekurang-kurangnya RM3 750 telah dikutip hasil bayaran yuran peserta.</p> <p>Diberi bahawa bilangan murid lain melebihi bilangan ahli Kelab Alam Sekitar. Beza antara bilangan murid lain dan ahli Kelab Alam Sekitar adalah kurang daripada 15 orang murid.</p> <p>Tulis tiga ketaksamaan bagi situasi yang diberi.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p>
